

**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN SELANGOR  
BILANGAN 1/2011**

=====

**PERWAKILAN KUASA MEREMIT ATAU MENGEQUALIKAN BAYARAN  
UKUR KEPADA PENTADBIR TANAH DAERAH BAGI URUSAN TANAH  
TERTENTU**

-----

**1. TUJUAN**

Pekeliling ini bertujuan memaklumkan keputusan Mesyuarat Pengarah Tanah dan Galian Selangor Bersama Pentadbir-Pentadbir Tanah Daerah Negeri Selangor Bil. 1/2011 mengenai perwakilan kuasa meremit atau mengecualikan bayaran ukur daripada Pengarah Tanah dan Galian kepada Pentadbir Tanah Daerah bagi urusan tanah tertentu.

**2. LATAR BELAKANG**

2.1 Berdasarkan **Perintah Kanun Tanah Negara (Bayaran Ukur) 1965** oleh Menteri Tanah dan Galian melalui Warta Persekutuan P.U. 486/1965, **Perintah Kanun Tanah Negara (Bayaran Ukur) (Pindaan) 1969 dan 1981** melalui Warta Persekutuan P.U. (A) 428/1969 dan P.U.(A) 357/1981, Pengarah Tanah dan Galian Negeri diberikan kuasa untuk

meremit dan mengecualikan bayaran ukur berhubung perkara berikut –

- 2.1.1 Urusan yang terlibat dengan skim atau projek yang dijalankan oleh Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri untuk kegunaan awam;
  - 2.1.2 Urusan yang terlibat dengan penyerahan sebahagian tanah bermilik untuk kegunaan awam;
  - 2.1.3 Urusan yang terlibat dengan projek perumahan yang dijalankan oleh Pihak Berkuasa Tempatan atau perbadanan yang diberi kuasa oleh undang-undang persekutuan atau negeri dan diisytiharkan oleh Pihak Berkuasa Negeri sebagai projek kos rendah.
- 2.2 Y.B. Penasihat Undang-Undang Negeri, melalui pandangan perundangan bertarikh 18 Ogos 2010, berpendapat bahawa perwakilan kuasa boleh diberikan oleh Pengarah Tanah dan Galian kepada Pentadbir Tanah berdasarkan **perenggan 15(1)(g) Kanun Tanah Negara 1965 (Akta 56/1965)**.
- 2.3 Berdasarkan Mesyuarat Pengarah Tanah dan Galian Selangor Bersama Pentadbir-Pentadbir Tanah Daerah Negeri Selangor Bil. 1/2011 yang diadakan pada 18 Januari 2011, keputusan telah dibuat supaya kuasa untuk meremit atau mengecualikan bayaran ukur diturunkan kepada Pentadbir Tanah Daerah.

- 2.4 Perwakilan kuasa ini bertujuan mempermudah tatacara pengeluaran Pelan Akui (*PA*) untuk tanah-tanah yang terlibat dengan projek Kerajaan dan mempercepatkan proses pewartaan tanah Kerajaan, yang juga dilihat sebagai salah satu inisiatif ke arah penambahbaikan secara berterusan.

### **3. KAEDAH PELAKSANAAN**

- 3.1 Perwakilan kuasa kepada Pentadbir Tanah Daerah untuk meremit atau mengecualikan bayaran ukur adalah melibatkan –

3.1.1 Urusan yang terlibat dengan skim atau projek oleh Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri untuk kegunaan awam;

3.1.2 Urusan yang terlibat dengan penyerahan sebahagian tanah bermilik untuk kegunaan awam; dan

3.1.3 Urusan yang terlibat dengan projek perumahan yang dikendalikan oleh Pihak Berkuasa Tempatan atau perbadanan yang diberi kuasa oleh undang-undang persekutuan atau negeri dan diisytiharkan oleh Pihak Berkuasa Negeri sebagai projek kos rendah.

- 3.2 Kuasa untuk meremit atau mengecualikan bayaran ukur adalah terhad untuk tanah-tanah yang berada dalam bidang kuasa Pentadbir Tanah Daerah berkenaan.

4. **TARIKH KUAT KUASA**

Pelaksanaan arahan dalam pekeliling ini **berkuat kuasa pada 1 Mac 2011.**

  
(DATO' ABD NASIR BIN HASSAN)

Pengarah Tanah dan Galian  
Negeri Selangor Darul Ehsan.

Bertarikh: 28 FEB. 2011